

Konsep Open Panel Pada Klinik Panel

Dengan hormatnya, perkara diatas adalah dirujuk.

Untuk kemudahan para pegawai dan tanggungan mendapatkan rawatan pesakit luar, Mesyuarat Pihak Pengurusan Universiti Kali Ke-294 telah meluluskan pelantikan 111 klinik panel berkuatkuasa 1 Mei 2008 sehingga 1 April 2010. Manakala Mesyuarat Pihak Pengurusan Universiti Kali Ke-285 telah meluluskan penggunaan konsep *open panel* pada klinik panel.

Sehubungan dengan kelulusan tersebut, had 2 klinik panel untuk pegawai termasuk pasangan suami isteri yang sama-sama bertugas di Universiti dan had satu klinik panel bagi pegawai kontrak adalah dimansuhkan. Pegawai UPM dan tanggungan boleh mendapatkan rawatan perubatan pesakit luar di mana-mana klinik panel yang berdaftar dengan UPM. Kaedah pelaksanaan adalah seperti berikut:

1. Penggunaan Buku Rawatan Perubatan UPM adalah dikekalkan.
2. Kadar rawatan perubatan di klinik panel adalah dikekalkan sebanyak RM45.00 seorang untuk sekali rawatan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan UPM Bil. 3/2003. Kadar yang melebihi RM45.00 perlu ditanggung pegawai sendiri kecuali dengan justifikasi dan pengesahan doktor dengan bil yang terperinci
3. Tuntutan bayaran balik rawatan perubatan di klinik swasta bukan di klinik panel UPM hanya akan dipertimbangkan untuk kes kecemasan sahaja berdasarkan resit tetapi tidak melebihi RM45.00 /resit untuk satu tuntutan berserta surat pengesahan doktor
4. Pengambilan cuti sakit yang disokong dengan sijil cuti sakit perlu dipantau oleh penyelia dan Ketua Jabatan
5. Pegawai bertanggungjawab di PTJ perlu menyemak invois dan resit yang diterima dari klinik panel Perkara yang perlu disemak adalah:
 - a. nama staf / tanggungan PTJ berkenaan yang mendapat rawatan di klinik panel;
 - b. umur tanggungan (anak) supaya tidak melebihi 18 tahun atau 21 tahun bagi yang masih belajar;
 - c. resit-resit yang diterima supaya tidak melebihi RM45.00 / resit
6. Konsep ini berkuatkuasa pada 1 Mei 2008